

JURANG PERBEZAAN ANTARA WILAYAH

oleh

Kama Firdaus Binti Subbahi

Pegawai Penyelidik

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Semasa tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB) berlangsung iaitu antara tahun 1976-1980, Rancangan Malaysia Ketiga (RMK3) telah dijalankan dengan matlamat yang sama dengan RMK2 iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Tumpuan utama RMK3 adalah kepada bidang pertanian yang dilihat sebagai salah satu cara untuk merapatkan jurang ekonomi penduduk luar bandar dan penduduk bandar. Rancangan ini menyaksikan pembukaan bandar baru dan pembangunan tanah dipergiatkan. Menjelang akhir tempoh RMK3 iaitu 1980, sebanyak 28 buah bandar baru telah dibina di kawasan rancangan pembangunan tanah, manakala tanaman getah dan kelapa sawit juga telah dipertingkatkan untuk tujuan eksport pada masa itu.

Malaysia yang terdiri daripada tiga belas buah negeri dan tiga wilayah persekutuan, dengan jumlah keluasan negara 329.847 kilometer persegi dan anggaran penduduk seramai 30.3 juta pada tahun 2014, diklasifikasikan oleh Bank Dunia sebagai negara berpendapatan menengah-atas (Upper-Middle Income) kerana mempunyai nilai Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita sebanyak USD10,660 pada tahun itu. Malaysia juga merupakan sebuah negara yang mempunyai rekod ekonomi yang terbaik di Asia, dengan perkembangan ekonomi pada kadar purata 6.5% setahun selama hampir 50 tahun. Walaubagaimanapun, terdapat jurang ekonomi yang besar antara wilayah-wilayah di Malaysia. Perkembangan ekonomi yang tidak setara dapat dilihat melalui nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita, pendapatan isi rumah dan juga kadar kemiskinan sesebuah wilayah itu.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Menjelang tahun 2014, Malaysia telah mencapai KDNK per kapita RM33,460. Daripada jumlah itu, hanya tujuh buah negeri yang berjaya melepasi purata KDNK Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Wilayah Persekutuan Labuan (WPL), Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Melaka, dan Negeri Sembilan. Perbezaan nilai purata KDNK per kapita diantara negeri yang mempunyai nilai KDNK tertinggi iaitu WPKL dan negeri Kelantan dengan nilai KDNK terendah adalah tinggi iaitu sebanyak 8 kali ganda.

Dari segi kadar pertumbuhan purata tahunan pula, pertumbuhan KDNK mengikut negeri pada harga tetap dari tahun 2011-2015 menunjukkan WPL mencatat pertumbuhan yang paling pesat iaitu sebanyak 7.7 peratus diikuti oleh WPKL dan Selangor dengan kadar pertumbuhan masing-masing sebanyak 7.3 peratus dan 6.6 peratus. Manakala, Sabah dan Perlis mencatat pertumbuhan yang terendah dengan peratusan yang sama iaitu 3.0 peratus.

Pendapatan Isi Rumah

Menurut tinjauan Jabatan Perangkaan Malaysia, purata pendapatan isi rumah di Malaysia adalah sedikit menurun daripada RM3,686 pada tahun 2007 kepada RM3,626 pada tahun 2012. Sepanjang lima tahun tersebut, sebahagian besar negeri-negeri di Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi dan peningkatan dalam purata pendapatan isi rumah bulanan terutamanya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), Wilayah Persekutuan Labuan (WPL), Wilayah Persekutuan Putrajaya (WPP), dan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, tiga buah negeri telah mengalami penurunan yang amat ketara dalam purata pendapatan isi rumah iaitu Sabah, Sarawak dan Perlis.

Indeks pendapatan isi rumah bulanan yang tertinggi dicatatkan di WPP adalah sebanyak 1.79 pada tahun 2012 diikuti oleh WPKL dan Selangor dengan indeks masing-masing adalah 1.61 dan 1.48. Manakala Kelantan merekodkan indeks paling rendah iaitu 0.63 pada tahun 2012. Jurang pendapatan antara negeri yang mempunyai

pendapatan yang paling rendah dengan negeri yang berpendapatan tinggi semakin meningkat daripada 1:1.6 dalam tahun 2009 kepada 1:2.8 pada tahun 2012.

Kadar Kemiskinan

Peratusan kadar kemiskinan Malaysia bagi tahun 2014 adalah rendah iaitu 0.6 peratus berbanding tahun 2012. Semua negeri kecuali WPL dan Melaka mencatatkan pengurangan kadar kemiskinan pada tahun 2014 berdasarkan pendapatan garis kemiskinan pada tahun itu. Kadar kemiskinan kekal tinggi di negeri-negeri yang kurang maju seperti di Sabah, Kelantan, Sarawak, Perlis, Terengganu dan Kedah. Sabah mencatatkan peratusan kemiskinan yang tertinggi iaitu 4.0 peratus berbanding tahun 2012 sebelumnya yang seganda lebih tinggi iaitu 8.1 peratus. Kadar kemiskinan di Johor bagaimanapun dicatatkan hampir tiada pada tahun 2014 walaupun pada tahun sebelumnya mencatatkan kadar kemiskinan sebanyak 0.9 peratus.

Kesimpulan

Perbezaan wilayah atau ketidakseimbangan merujuk kepada keadaan dimana pendapatan per kapita, taraf hidup, dan aktiviti ekonomi yang tidak seragam dalam sesebuah wilayah. Ini bukanlah suatu fenomena baru tetapi merupakan satu fenomena global dimana keadaan ini dialami oleh hampir semua negara. Malaysia telah berjaya meningkatkan kadar perkembangan ekonomi serta mengurangkan kadar kemiskinan melalui pelaksanaan 5-tahun Rancangan Malaysia. Semua negeri mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang dapat dilihat melalui peningkatan nilai KDNK per kapita dan pendapatan isi rumah. Taraf hidup di kawasan bandar dan luar bandar juga bertambah baik yang dapat dilihat melalui penurunan kadar kemiskinan di setiap negeri. Walau bagaimanapun, perbezaan ekonomi antara wilayah dijangka akan terus wujud disebabkan oleh faktor-faktor seperti perbezaan sumber ekonomi, taraf kemudahan, pembangunan infrastruktur, institusi-institusi perbadanan dan lain-lain. Keadaan ini mungkin akan berterusan sehingga Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 nanti jika tidak ditangani dengan sebaiknya.